

ANALISIS BERBILANG KUMPULAN: FAKTOR-FAKTOR PENGGUNAAN PENDANAAN AWAM PATUH SYARIAH

(Multigroup Analysis: Factors of Islamic Crowdfunding Usage)

^{1,2}ENGKU HUDA MURSYIDAH ENGKU HASSAN ASHARI*

^{1,3}AISYAH ABDUL RAHMAN

^{1,4}SALMY EDAWATI YAAKOB

¹Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

²Fakulti Perniagaan Ekonomi dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu,
21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

³Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia

⁴Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Bumiputera masih banyak yang berada di peringkat mikro walaupun Bumiputera adalah kumpulan majoriti di Malaysia. Pendanaan awam patuh syariah berpotensi membantu mereka. Kajian ini bertujuan mengkaji faktor-faktor dalam teori UTAUT seperti jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh sosial, kemudahan keadaan serta faktor dari literatur terdahulu seperti persepsi kepercayaan dan kebolehcubaan terhadap niat tingkah laku PKS Bumiputera untuk menggunakan pendanaan awam patuh syariah. Kajian juga melihat perbezaan pengaruh faktor ini terhadap niat tingkah laku antara pemilik PKS lelaki dan perempuan. Borang soal selidik diedarkan kepada 486 PKS Bumiputera dan data dianalisis menggunakan SmartPLS versi 4 dan Multigroup Analysis. Hasil kajian menunjukkan jangkaan usaha, pengaruh sosial, persepsi kepercayaan dan kebolehcubaan mempengaruhi niat tingkah laku penggunaan pendanaan awam patuh syariah. Perbezaan signifikan hanya ditemui dalam persepsi kepercayaan, di mana pemilik PKS lelaki lebih dipengaruhi oleh faktor ini berbanding wanita untuk memasang niat bagi menggunakan pendanaan awam patuh syariah. Kajian ini

* Corresponding author: Engku Huda Mursyidah Engku Hassan Ashari, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia, e-mel: p120257@siswa.ukm.edu.my

Diserahkan: 3 Julai 2024

Diterima: 14 Ogos 2024

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2024-1602-09>

dapat membuka minda usahawan kecil dan sederhana yang sedang berusaha untuk mengembangkan perniagaan mereka dengan mencuba alternatif pembiayaan moden yang luas di pasaran. Selain itu, dapatan ini dapat dijadikan panduan oleh penggubal dasar negara untuk meramalkan tahap kesedaran PKS terhadap alternatif pembiayaan dan seterusnya merangka inisiatif yang bersesuaian bagi membantu PKS di negara ini.

Kata Kunci: PKS Bumiputera; niat tingkah laku; pendanaan awam patuh syariah

ABSTRACT

A vast number of Bumiputera Small and Medium Enterprises (SMEs) in Malaysia remain at the micro level, despite Bumiputera being the majority group in the country. Islamic crowdfunding however has the potential to assist these enterprises. This study aims to examine factors within the UTAUT model, such as performance expectancy, effort expectancy, social influence, and facilitating conditions, as well as additional factors from previous literature; perceived trust and trialability, concerning Bumiputera SMEs' behavioral intention to use Islamic crowdfunding. The study also explores differences in the influence of these factors on behavioral intention between male and female SME owners. A survey was distributed to 486 Bumiputera SMEs, and the data was analyzed using SmartPLS version 4 and Multigroup Analysis. The findings indicate that effort expectancy, social influence, perceived trust, and trialability significantly impact the intention to use Syariah-compliant crowdfunding. A significant difference was found only in perceived trust, where male SME owners are more influenced by this factor than female owners in their intention to use Syariah-compliant crowdfunding. This study provides insights for small and medium entrepreneurs who are striving to grow their businesses by exploring modern financing alternatives available in the market. Additionally, these findings can serve as a guide for policymakers to assess SMEs' awareness on alternative financing options and to develop appropriate initiatives to support SMEs in the country.

Keywords: *Bumiputera SME; behavioural intention; Islamic crowdfunding*

PENGENALAN

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) merupakan komponen penting dalam ekonomi Malaysia, yang menyumbang lebih sepertiga daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK) dan memberikan peluang pekerjaan kepada lebih daripada empat juta rakyat Malaysia (Alam et al. 2022). PKS (termasuk mikro-PKS) memberikan sumbangan sebanyak 37.4% kepada KDNK Malaysia pada tahun 2021 dengan nilai tambah sebanyak RM518.1 bilion (DOSM,2022). Sektor perkhidmatan dan pengilangan mengekalkan kedudukan mereka sebagai penyumbang utama kepada aktiviti KDNK perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), di mana kedua-dua sektor mewakili lebih daripada 80% KDNK PMKS. Selain itu, KDNK PMKS mendaftarkan RM572.6 billion dalam terma nominal tahun ini (2020: RM547.3 billion). Nilai-nilai ini menunjukkan salah satu sumbangan penting perniagaan PKS kepada KDNK negara kita.

Kaum Bumiputera pula adalah merupakan kumpulan etnik majoriti di Malaysia (DOSM 2022). Namun demikian, jurang pertumbuhan perniagaan antara Bumiputera dan kaum lain dilihat semakin ketara. Pada tahun 2021, sebanyak 1,226,494 PMKS telah berdaftar dan daripada jumlah tersebut, 1.6% merupakan perusahaan sederhana, 19.8% perusahaan kecil dan 78.6% merupakan perusahaan mikro. Menurut Kongres Ekonomi Bumiputera (2024), sehingga Januari 2024, hanya 357,863 (29.8%) jumlah perusahaan adalah dimiliki oleh Bumiputera sedangkan peratusan selebihnya, 70.2% PKS adalah dimiliki oleh mereka yang bukan Bumiputera. Dari segi taburan pertumbuhan, data Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (2019) menunjukkan bahawa PKS bukan Bumiputera mencatat pertumbuhan yang lebih pesat, dengan nisbah perusahaan kecil dan sederhana yang lebih tinggi berbanding dengan PKS Bumiputera. PKS Bumiputera dilihat hanya mendominasi di peringkat mikro. Daripada jumlah PKS yang dimiliki oleh Bumiputera, 88% tergolong daripada perusahaan mikro, hanya 11% daripada perusahaan kecil, dan 1% perusahaan sederhana, berbanding dengan PKS bukan Bumiputera di mana 69% adalah mikro, 28% kecil, dan 3% sederhana. Ini menggambarkan perusahaan PKS Bumiputera tersekat di peringkat mikro dengan hanya sedikit yang berkembang ke peringkat kecil atau sederhana (Kementerian Hal Ehwal Ekonomi 2019).

Akses kepada kemudahan kewangan adalah sangat kritikal bagi kelangsungan PKS. Ini adalah disebabkan oleh keperluan mereka untuk memulakan perniagaan mereka dan memperluaskannya ke tahap-tahap tertentu. Kemampuan syarikat kecil dan sederhana untuk mendapatkan pembiayaan kewangan dan modal adalah penting kerana ia bukan sahaja pembawa pertumbuhan sebuah syarikat, tetapi juga akan mempengaruhi kebanyakan cabaran utama syarikat tersebut di masa hadapan (Laila et al. 2022). Walau bagaimanapun, pada peringkat permulaan, modal biasanya diperoleh

daripada sumber kewangan peribadi seperti simpanan peribadi, bantuan kawan dan keluarga atau jika usahawan ini beruntung, mereka mungkin akan menemui pelabur pemangkin (*angel investors*), tetapi sumber-sumber ini adalah terhad dan hanya untuk jangka masa yang pendek. Bank-bank dan organisasi pemberi pinjaman rasmi keberatan untuk memberi sebarang pembiayaan kerana risiko kegagalan perniagaan PKS dan kemungkinan mereka gagal membayar hutang (Harrison et al. 2022).

Pendanaan awam merupakan alternatif yang mudah diakses oleh usahawan berbanding institusi kewangan tradisional yang dikawal. Kadar kejayaan perkembangan pendanaan awam telah memangkin pertumbuhan PKS di negara-negara maju, tetapi masih belum dimanfaatkan sepenuhnya di negara-negara membangun (Edem et al. 2021). Terdapat tiga perbezaan utama antara pendanaan awam konvensional dan pendanaan awam patuh Syariah ialah pendanaan awam patuh Syariah bertanggungjawab secara sosial untuk melabur dalam projek/produk halal, mengagihkan risiko pelaburan, dan memastikan ketiadaan faedah atau riba (Afroz et al. 2019). Disebabkan ciri-ciri pendanaan awam patuh Syariah yang ditemui; pematuhan syariah (Abdullah & Oseni 2017), cekap, (Ishak Muhammad Shahrul Ifwat & Md Habibur Rahman 2021), eksklusif dan fleksibel (Aderemi & Ishak 2022) pendanaan awam patuh Syariah mempunyai potensi besar untuk digunakan sebagai alternatif pembiayaan terutamanya di negara Islam seperti Malaysia.

Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji faktor-faktor dalam teori UTAUT; pengaruh jangkaan prestasi (JP), jangkaan terhadap usaha (JU), pengaruh sosial (PS), kemudahan keadaan (KK), serta faktor daripada sorotan literatur lepas; persepsi kepercayaan (PK), dan satu faktor daripada IDT; faktor kebolehcubaan (KB) ke atas niat tingkah laku PKS Bumiputera untuk menggunakan pendanaan awam patuh Syariah. Masih kurang kajian yang menyelidiki faktor persepsi terhadap kepercayaan dan faktor kebolehcubaan dengan niat tingkah laku terhadap penggunaan pendanaan awam patuh syariah. Oleh itu, kajian ini diharap dapat mengisi jurang penyelidikan lepas dengan menambah pada sorotan literatur.

Hasil kajian ini dijangkakan dapat membuka minda usahawan kecil dan sederhana yang sedang berusaha untuk mengembangkan perniagaan mereka dengan mencuba alternatif pembiayaan moden yang luas di pasaran. Sementara itu, penggubal dasar negara juga mungkin mendapati kajian ini berguna untuk meramalkan tahap kesedaran PKS terhadap alternatif pembiayaan dan seterusnya merangka dasar dan peraturan yang bersesuaian berdasarkan hasil analisis kajian ini. Penggubal dasar dan agensi-agensi kerajaan seperti SME Corporation Malaysia, Tabung Ekonomi Kumpulan Keusahawanan (TEKUN) dan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) akan dapat menilai keberkesanan pembiayaan kerajaan dan merangka dasar ke atas pertumbuhan PKS terutamanya di kalangan Bumiputera. Penilaian boleh dibuat untuk

mengenal pasti punca kelemahan pelaksanaan pembiayaan dan mencari pendekatan yang lebih sesuai untuk membaiki sebarang kekurangan.

Secara keseluruhannya, artikel ini mengandungi lima bahagian, termasuk bahagian pengenalan ini. Bahagian sorotan literatur membincangkan teori-teori asas bagi konteks kajian ini dan hasil kajian lepas yang berkaitan dengan isu yang sedang dikaji. Bahagian metodologi pula membincangkan metodologi penyelidikan, khususnya, reka bentuk penyelidikan, prosedur pengumpulan data, dan kaedah persampelan. Setelah itu, semua penemuan awal dibentangkan dalam bahagian keputusan kajian. Dalam bahagian seterusnya, hasil maklumat yang dikumpul untuk penyelidikan ini akan dianalisa dan dibincangkan. Bahagian terakhir iaitu rumusan akan meringkaskan penemuan dan mencadangkan hala tuju masa hadapan untuk penyelidikan dalam bidang berkaitan.

KAJIAN LITERATUR DAN PEMBANGUNAN HIPOTESIS PENDANAAN AWAM PATUH SYARIAH

Pendanaan awam patuh Syariah ditakrifkan sebagai platform pengumpulan dana (secara atas talian) dalam kalangan pelabur, dengan ciri-ciri patuh syariah; memenuhi piawaian Islam dan syariah, dengan tidak melibatkan bahan yang tidak dibenarkan di bawah undang-undang Islam (iaitu seperti perniagaan arak, babi, riba) (Hendratmi et al. 2019). Takrifan yang hampir sama oleh Susanti et al. (2024) yang menyatakan bahawa pendanaan awam patuh syariah adalah platform untuk mengumpul dana dengan nominal kecil, yang diperolehi melalui orang ramai atau organisasi untuk membiayai projek atau perniagaan yang mematuhi syariah Islam, serta mempunyai tujuan untuk saling membantu dalam kebaikan. Pendanaan awam patuh Syariah juga direka dalam pelbagai jenis dan model, antaranya adalah: (1) Berasaskan zakat; (2) Berasaskan Infaq-Shadaqah-Waqaf; (3) Berasaskan Qard-al Hasan; (4) Berasaskan Syirkah (Mudharabah dan Musyarakah); dan (5) Berasaskan pinjaman (Murabahah, Ijarah, Istishna, dan lain-lain) (Hendratmi et al. 2019). Menurut Dahlan et al. (2016), mereka mendedahkan bahawa kurangnya penerapan syariah Islam dalam platform pendanaan awam konvensional, menyebabkan masyarakat Islam tidak dapat menggunakan industri ini secara menyeluruh. Dalam transaksi pendanaan awam jenis hutang atau ekuiti mungkin terdapat elemen perjudian, faedah dan riba, atau timbulnya spekulasi dalam transaksi, dan semua ini adalah dilarang dalam Islam, lalu menjadikan masyarakat Islam sukar untuk terlibat dalam aktiviti mengumpul dana melalui platform dalam talian yang beroperasi mengikut prinsip syariah (Achsiem & Purnamasari 2012). Salim Munirah dan Salina Kassim (2019) menjalankan kajian mengenai persepsi usahawan belia terhadap elemen yang perlu dipertimbangkan apabila memilih pendanaan awam sebagai mekanisme pembiayaan alternatif.

Menggunakan sampel 97 orang usahawan muda daripada Institusi Pendidikan MARA Malaysia (IPMA), keputusan kajian tersebut menunjukkan bahawa kebanyakan responden mempunyai tahap kesedaran dan kefahaman yang rendah terhadap pendanaan awam patuh syariah sebagai satu mekanisme pembiayaan alternatif. Namun berdasarkan keputusan persepsi, kebanyakan responden mempunyai persepsi positif untuk mempertimbangkan pendanaan awam patuh syariah sebagai alternatif bagi mendapatkan pembiayaan untuk perniagaan mereka. Pada bidang kajian produk pembiayaan patuh Syariah, Johan et al. (2020) menyatakan bahawa, berdasarkan kaji selidik yang dijalankan terhadap 277 responden di Malaysia, pengguna Muslim lebih menyukai produk patuh syariah. Selanjutnya, menurut Ali et al. (2018) yang menerbitkan artikel konseptual dan merangka model kajian di Bahrain, mereka menyatakan bahawa kajian sedia ada mengenai penerimaan platform pendanaan awam oleh PKS tidak mencukupi dengan mengambil kira konsep syariah. Oleh itu, kajian ini akan menjadi peluang terbaik untuk menghargai interaksi antara aktiviti pendanaan awam dan agama dengan memperkenalkan pelantar Islam untuk mempengaruhi niat usahawan untuk menggunakan pendanaan awam patuh syariah. Memandangkan pelantar Islam masih belum diiktiraf sepenuhnya dalam penyelidikan pendanaan awam, kajian semasa akan mengkaji kajian terdahulu dalam konteks perkhidmatan kewangan Islam. Selain penganut agama Islam, mereka yang bukan beragama Islam juga menunjukkan penerimaan yang positif terhadap produk kewangan Islam, disebabkan oleh manfaat yang dapat dirasai seperti penyingkiran elemen monopolistik (Saiti Buerhan et al. 2022). Oleh sebab itu, meskipun PKS Bumiputera mungkin tidak semuanya beragama Islam, penerimaan mereka terhadap pendanaan awam patuh syariah juga boleh dianalisa kerana ia berkemungkinan membuahkan hasil yang signifikan seperti yang terbukti dalam kajian sebelumnya tentang penerimaan produk-produk pembiayaan Islam.

TEORI ASAS KAJIAN

UNIFIED THEORY OF ACCEPTANCE AND USE OF TECHNOLOGY (UTAUT)

Unified Theory of Acceptance and Use of Technology (UTAUT) merupakan teori yang dibentuk oleh Venkatesh et al. (2003) yang merupakan evolusi daripada 8 teori asalnya: *Technology Acceptance Model (TAM)*, *Theory of Reasoned Action (TRA)*, *Theory of Planned Behaviour (TPB)*, kombinasi TAM dan TPB (C-TAM-TPB), *Innovation Diffusion Theory (IDT)*, *Motivational Model (MM)*, *Model of PC Utilization (MPCU)*, dan *Social Cognitive Theory (SCT)* (Asastani, ET AL. 2018). Teori UTAUT ini mengkaji penerimaan sesebuah teknologi baharu, dan memandangkan platform pendanaan awam patuh syariah juga merupakan sebuah platform teknologi atas talian yang agak baru di Malaysia, penyelidik memilih untuk menggunakan konstruk daripada teori ini

sebagai faktor asas dalam kajian. Berdasarkan teori UTAUT, terdapat empat konstruk yang memainkan peranan penting sebagai penentu penerimaan pengguna dan tingkah laku penggunaan secara langsung, 4 konstruk tersebut termasuklah; jangkaan prestasi (*performance expectancy*), jangkaan usaha (*effort expectancy*), pengaruh sosial (*social influence*), dan kemudahan keadaan (*facilitating condition*). Setiap daripada empat penentu ini dipengaruhi oleh penyederhana; (jantina, umur, kesukarelaan dan pengalaman) (Venkatesh et al. 2003). UTAUT bertujuan untuk mengatasi masalah keringkasan model TAM dengan menyepadukan konstruk lain seperti jangkaan usaha dan prestasi, pengaruh sosial dan kemudahan keadaan (Shachabk et al. 2019). Selanjutnya, UTAUT memberi gambaran keseluruhan yang lebih luas terhadap semua model sedia ada kerana UTAUT didakwa memiliki kuasa penjelasan yang lebih tinggi, iaitu 70% varians terhadap niat tingkah laku (Yeoh Shih Yee dan Phaik Nie Chin 2022).

INNOVATION DIFFUSION THEORY (IDT)

Rogers memperkenalkan *Innovation Diffusion Theory* (IDT), untuk menerangkan bagaimana sesuatu inovasi itu diakui dan disepadukan dalam satu sistem sosial (Rogers 1995). Menurut teori IDT, penerimaan atau penolakan inovasi bermula dengan pengiktirafan pengguna akhir terhadap inovasi itu, manakala *diffusion* adalah satu prosedur di mana sesebuah inovasi itu dihubungkan melalui rangkaian tertentu dalam satu tempoh di kalangan rakan gabungan dalam sistem sosial. IDT juga telah digunakan secara meluas dalam meramalkan tingkah laku penggunapakaian IT. Teori ini dibina dengan menggunakan pembolehubah; kelebihan relatif (*relative advantage*), keserasian (*compatibility*), kerumitan (*complexity*), kebolehpemerhatian (*observability*) dan kebolehcubaan (*trialability*), yang mempengaruhi niat untuk menerima pakai teknologi tertentu. Namun, Taherdoost (2018), dalam kajian yang berkaitan dengan model penerimaan teknologi, menyimpulkan bahawa IDT hanya menekankan ciri-ciri sistem, sifat organisasi, dan aspek persekitaran yang menjadikan teori ini kurang daya penjelasannya berbanding model penerimaan yang lain dan IDT juga kurang praktikal untuk meramalkan sesuatu keputusan. Oleh itu, IDT masih memerlukan penambahbaikan bagi menentukan niat pengguna untuk mengguna pakai sesuatu sistem.

KONSTRUK KAJIAN

Kajian ini akan bertindak sebagai sumber literatur empirikal yang akan menjana impak signifikan kepada badan pengetahuan sedia ada dalam bidang pendanaan awam patuh Syariah sebagai salah satu alternatif pembiayaan kewangan Islam tambahan dalam rangka pengembangan bidang *Fintech*. Teori asal UTAUT yang mengandungi 4 konstruk (pengaruh jangkaan prestasi (JP), jangkaan terhadap usaha (JU), pengaruh

sosial (PS), kemudahan keadaan (KK)) diperkembangkan dengan menambah dua konstruk tambahan dalam kajian ini (konstruk persepsi kepercayaan (PK), dan kebolehcubaan (KB)).

Niat Tingkah Laku untuk Menggunakan Pendanaan Awam Patuh Syariah

Niat tingkah laku merujuk kepada kesediaan individu untuk menggunakan teknologi tertentu untuk pelbagai tugas (Salifu et al. 2024) atau turut ditakrifkan sebagai kekuatan kesanggupan pengguna untuk melakukan atau tidak melakukan tindakan tertentu (Islam Mohammad Tariqul & Muhammad Tahir Abbas Khan 2021). Dalam kajian ini, niat tingkah laku untuk menggunakan pendanaan awam patuh Syariah, yang merupakan teknologi atas talian membangun bagi platform pembiayaan dalam kalangan PKS Bumiputera, serta faktor-faktor yang mempengaruhi niat tingkah laku ini akan dianalisis.

Beberapa kajian telah menemukan keputusan positif mengenai niat PKS untuk menggunakan pendanaan awam patuh Syariah dalam perniagaan mereka (Aderemi & Ishak 2022; Salim et al. 2021; Azman et al. 2022; Sukmana et al. 2023). Aderemi & Ishak (2022) menemu menemuduga enam orang usahawan tempatan melalui kajian kualitatifnya dan mendapati bahawa pendanaan awam patuh syariah boleh digunakan sebagai instrumen kewangan untuk pendanaan awam bagi membantu perniagaan kecil di Malaysia kerana kelebihan ciri-cirinya. Salim et al. (2021) pula telah menjalankan kaji selidik terhadap 260 usahawan muda di Malaysia dan mendapati kebergunaan, kemudahan, efikasi sendiri, pelantar Islam dan akses kewangan mempunyai pengaruh positif ke atas niat usahawan belia untuk menerima pendanaan awam patuh Syariah. Selain itu, kajian ke atas 164 PKS Muslim di Malaysia mendapati hubungan antara penggunaan pendanaan awam patuh Syariah dan kemampuan pendapatan untuk PKS adalah signifikan dan positif. Hal ini bermakna pendanaan awam patuh syariah mempunyai keupayaan untuk menambah baik dan mengekalkan tahap pendapatan perniagaan (Azman et al. 2022). Akhir sekali, Sukmana et al. (2023) menjalankan kajian kuantitatif ke atas 297 responden di Indonesia dan mendapati faktor dalam Teori TAM mempunyai kesan positif dan signifikan terhadap niat tingkah laku pengguna pendanaan awam.

Walau bagaimanapun, penerimaan terhadap pendanaan awam patuh Syariah yang didedahkan oleh kajian lepas dipengaruhi oleh faktor yang pelbagai dan berbeza-beza seperti daripada teori UTAUT; faktor jangkaan terhadap prestasi dan kemudahan keadaan (Azman et al. 2022) dan juga daripada teori TAM serta teori TAM lanjutan (*extended TAM*): Kebergunaan dan kemudahan (Salim et al. 2021). Faktor tambahan lain termasuk konstruk daripada IDT: Penggunaan teknologi dan daya saing strategik (Abd Rashid et al. 2021).

Terdapat juga keputusan yang bercanggah bagi beberapa faktor, seperti yang didapati jangkaan terhadap usaha, (Azman et al. 2022), pengaruh sosial (Azman et al. 2022; Salim et al. 2021; Sukmana et al. 2023) dan persepsi risiko (Hapsari et al. 2022) tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap niat menggunakan pendanaan awam patuh Syariah dalam kalangan usahawan dan pengguna pendanaan awam patuh Syariah. Selain itu, faktor seperti umur, status perkahwinan, pendapatan, penggunaan internet, dan persepsi Wakaf juga dikatakan tidak mempunyai pengaruh terhadap kemungkinan penggunaan pendanaan awam patuh Syariah (Hapsari et al. 2022). Di samping itu, indikator Teori UTAUT; pengaruh sosial, nilai harga dan tabiat juga didapati tidak memberi kesan yang ketara kepada niat penggunaan pendanaan awam patuh Syariah (Sukmana et al. 2023).

JANGKAAN TERHADAP PRESTASI (*PERFORMANCE EXPECTANCY*)

Jangkaan terhadap prestasi ditakrifkan sebagai sejauh mana kepercayaan seseorang bahawa menggunakan sistem tertentu akan meningkatkan prestasi kerjanya (Venkatesh et al. 2012). Beberapa kajian juga mendedahkan bahawa faktor jangkaan prestasi mempengaruhi niat pengguna untuk menggunakan pendanaan awam patuh syariah (Azman et al. 2022; Hapsari 2022; Salim et al. 2021). Responden dalam kajian ini berpendapat bahawa model pendanaan awam patuh syariah mempunyai kelebihan yang tersendiri, dan mereka mempunyai sedikit pengetahuan tentang konsep asas dan faedah pendanaan awam patuh syariah, yang menjadikan mereka cenderung untuk menggunakan sistem tersebut (Hapsari 2022). Selain itu, pengguna percaya bahawa pendanaan awam patuh syariah boleh membantu mereka mendapatkan akses secara terus kepada pelabur dan mengelakkan urusan birokrasi yang kebiasaannya dilaksanakan oleh institusi kewangan (Salim et al. 2021). Akhir sekali, Azman et al. (2022) mendapati apabila usahawan menyedari *Fintech* berteraskan syariah seperti pendanaan awam patuh syariah merupakan platform yang berguna, ia boleh meningkatkan produktiviti, pendapatan dan keuntungan mereka.

Sebaliknya, Husin et al. (2020) menegaskan bahawa hubungan antara jangkaan terhadap prestasi dengan niat pengguna menggunakan pendanaan awam patuh syariah adalah tidak signifikan dan jangkaan terhadap prestasi dalam menggunakan sesebuah platform tidak boleh memberi impak secara langsung terhadap niat pengguna untuk menggunakan pendanaan awam patuh syariah. Hal ini kerana pelantar pendanaan awam patuh syariah yang masih bersifat baru di Malaysia juga mungkin menimbulkan keraguan dalam kalangan PKS tentang kemampuan platform ini untuk meningkatkan prestasi dan pertumbuhan perniagaan mereka (Khan Abidullah, Muhammad Hakimi Mohd Shafiai & Shabeer Khan 2019).

Walaupun bagaimanapun, hipotesis pertama adalah untuk menilai kelebihan menggunakan platform pendanaan awam patuh syariah dalam kalangan PKS

Bumiputera dan mewakilinya melalui jangkaan terhadap prestasi. Oleh itu, hipotesis pertama kajian ini adalah:

H1: Jangkaan prestasi mempunyai hubungan positif dengan niat tingkah laku untuk menggunakan pendanaan awam patuh syariah.

JANGKAAN TERHADAP USAHA (*EFFORT EXPECTANCY*)

Venkatesh (2012) mendefinisikan Jangkaan Terhadap Usaha (*Effort Expectancy*) sebagai tahap di mana seseorang mendapati kegunaan sistem tertentu tidak memerlukan banyak usaha dan mudah untuk digunakan. Beberapa kajian menunjukkan bahawa jangkaan terhadap usaha mempengaruhi niat pengguna untuk menggunakan pendanaan awam patuh syariah (Hapsari et al. 2022; Salim et al. 2021; Husin et al. 2020). Antaranya ialah kajian yang dilaksanakan oleh Hapsari et al. (2022). Kajian ini melaporkan bahawa disebabkan responden muda yang dijadikan sampel dalam kajian sudah biasa dengan internet, dan menyedari kewujudan pendanaan awam patuh syariah, menjadikan sistem pendanaan awam atas talian kelihatan mudah digunakan. Dinyatakan juga dalam kajian tersebut, pengguna bersedia untuk menggunakan platform pendanaan awam patuh syariah yang menggunakan teknologi mudah difahami dan mudah digunakan (Salim et al. 2021).

Sementara itu, terdapat juga kajian khusus yang mendapati hubungan yang tidak signifikan antara jangkaan terhadap usaha dan niat tingkah laku terhadap pendanaan awam Islam (Azman et al. 2022). Hasil kajian ini sebahagiannya mungkin disebabkan oleh tahap pendidikan responden yang boleh menyebabkan kurangnya pemahaman tentang faedah pendanaan awam patuh syariah. Ini juga mungkin kerana sesetengah usahawan kurang celik dalam bidang digital, yang menjejaskan pemahaman dan penggunaan mereka terhadap jenis aplikasi teknologi kewangan ini. Walaupun pada hakikatnya *interface* yang digunakan dalam system pendanaan awam patuh syariah bersifat mesra pengguna, sesetengah pemilik perniagaan mungkin tidak mempunyai kemahiran teknologi yang diperlukan untuk menggunakannya dengan berkesan, dan hal ini boleh menjadi halangan kepada mereka untuk menggunakan aplikasi ini (Azman et al. 2022).

Namun begitu, hipotesis kedua dijana berdasarkan kemudahan platform pendanaan awam patuh syariah untuk kegunaan PKS Bumiputera yang kemudiannya akan mempengaruhi niat mereka untuk menggunakannya. Oleh itu, hipotesis kedua yang dihasilkan ialah:

H2: Jangkaan usaha mempunyai hubungan yang positif dengan niat tingkah laku untuk menggunakan pendanaan awam Islam.

PENGARUH SOSIAL (*SOCIAL INFLUENCE*)

Pengaruh sosial ditakrifkan oleh Venkatesh et al. (2003) sebagai sejauh mana seseorang dipengaruhi oleh pendapat orang lain yang mempercayai sesuatu sistem terkini itu harus digunakan. Pengaruh sosial juga boleh dikaitkan dengan reputasi dan imej, di mana pengguna menganggap bahawa menggunakan sesuatu sistem teknologi akan meningkatkan status sosial mereka (Soong et al. 2020). Terdapat sebilangan kecil kajian menggunakan konstruk UTAUT untuk menentukan niat penggunaan pendanaan awam patuh syariah.

Kajian lepas mendapati hasil yang signifikan dan positif bagi hubungan antara pengaruh sosial dan niat tingkah laku untuk menerima pakai pendanaan awam (Islam Mohammad Tariqul & Muhammad Tahir Abbas Khan 2021; Alshebami 2022). Jika diterokai sebab-sebab di sebalik hubungan positif ini, dijelaskan bahawa niat penggunaan sistem pendanaan awam dalam kalangan usahawan sangat dipengaruhi oleh motivasi, pendapat dan cadangan yang diberikan oleh individu yang menjadi rujukan mereka dan orang yang penting dalam kehidupan sosial mereka (Islam Mohammad Tariqul & Muhammad Tahir Abbas Khan 2021; Alshebami 2022; Moon Younghwan & Junseok Hwang 2018). Hal ini kerana kebanyakan individu pada hari ini menghabiskan begitu banyak masa di internet dan media sosial, di mana mereka kerap berinteraksi dengan rakan dan kenalan mereka, maka fenomena ini turut menyumbang kepada pengaruh sosial dalam kalangan pengguna pendanaan awam (Moon Younghwan & Junseok Hwang 2018).

Beberapa kajian mendapati hubungan pengaruh sosial yang tidak signifikan terhadap niat tingkah laku untuk menggunakan model pendanaan awam patuh syariah (Azman, Nik Hadiyan Nik & Mohd Zaidi Md Zabri 2022; Salim et al. 2021; Sukmana et al. 2023). Menurut sarjana ini, apabila usahawan menggunakan perkhidmatan *Fintech* yang mengikut Syariah Islam, ia dilihat sebagai satu bentuk pengiktirafan mengenai pengetahuan yang mereka ada. Dalam erti kata lain, individu ini mempunyai pandangan mereka yang tersendiri tentang aplikasi *Fintech*. Hubungan pengaruh sosial yang tidak signifikan ini juga disebabkan oleh pendanaan awam patuh syariah yang dilihat sebagai teknologi baru dan asing di Malaysia. Oleh itu, kebaikan menggunakan pendanaan awam tidak cukup jika hanya disampaikan secara *verbal*, dan kejayaan pendanaan awam juga tidak diiktiraf oleh media massa, menyebabkan motivasi yang lemah dalam mempengaruhi mereka menggunakan pendanaan awam patuh syariah (Salim et al. 2021). Namun begitu, hipotesis ketiga penyelidikan ini dijana berdasarkan sejauh mana PKS Bumiputera dipengaruhi oleh individu lain apabila mengumpul dana melalui platform pendanaan awam patuh syariah. Oleh itu, hipotesis ketiga yang dihasilkan ialah:

H3: Pengaruh sosial mempunyai hubungan yang positif dengan niat tingkah laku untuk menggunakan pendanaan awam patuh syariah.

KEMUDAHAN KEADAAN (*FACILITATING CONDITION*)

Definisi kemudahan keadaan ialah ketersediaan sumber dan sokongan yang mencukupi untuk aplikasi teknologi yang sesuai (Almogren 2022). Beberapa kajian mendapati kemudahan keadaan tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap niat untuk mengambil bahagian dalam pendanaan awam konvensional (Alshebami 2022; Fanea-Ivanivici & Baber 2021). Hal ini kerana sistem maklumat dan statistik yang tidak mencukupi mengenai dana yang dikumpul telah memberi halangan yang lebih besar kepada pengguna platform pendanaan awam walaupun kemudahan pendanaan awam disediakan, dan oleh itu keputusan mereka tidak mempertimbangkan sokongan platform pendanaan awam dalam mengumpul dana (Alshebami 2022; Fanea-Ivanivici & Baber 2021).

Walaupun bagaimanapun, kajian oleh Azman et al. (2022) telah menemui hubungan positif yang signifikan antara kemudahan keadaan dengan niat tingkah laku penggunaan pendanaan awam patuh syariah. Pengkaji seterusnya mengulas bahawa penemuan mereka sejajar dengan usaha Kerajaan Malaysia untuk menggalakkan penggunaan teknologi digital dalam kalangan usahawan Muslim. Kedua-dua perbezaan ini menarik minat penyelidik semasa untuk mengkaji dengan lebih mendalam tentang faktor kemudahan keadaan ini terhadap niat untuk menggunakan pendanaan awam patuh syariah untuk membiayai perniagaan PKS Bumiputera. Sehubungan itu, hipotesis keempat yang dihasilkan ialah:

H4: Kemudahan keadaan mempunyai hubungan yang positif dengan niat untuk menggunakan pendanaan awam patuh syariah.

PERSEPSI KEPERCAYAAN (*PERCEIVED TRUST*)

Faktor persepsi kepercayaan boleh ditakrifkan sebagai kepercayaan pengguna terhadap penggunaan teknologi baharu (Alzyoud et al. 2024) atau kepercayaan subjektif dalam kalangan usahawan terhadap integriti dan kesesuaian teknologi yang diguna pakai (Islam Mohammad Tariqul & Muhammad Tahir Abbas Khan 2021).

Beberapa kajian telah mengenal pasti pengaruh positif antara faktor persepsi terhadap kepercayaan dengan niat tingkah laku untuk menggunakan pendanaan awam konvensional (Alshebami 2022; Fanea-Ivanovici & Baber 2021; Islam Mohammad Tariqul & Muhammad Tahir Abbas Khan 2021). Hubungan ini menunjukkan semakin

tinggi kepercayaan terhadap platform pendanaan awam, semakin tinggi kemungkinan untuk menggunakannya. Penemuan mengenai kepercayaan mencadangkan bahawa usahawan mempercayai platform pendanaan awam atas pelbagai sebab, seperti integriti, ketelusan dan keselamatan mereka (Alshebami 2022; Islam Mohammad Tariqul & Muhammad Tahir Abbas Khan 2021).

Masih kurang kajian yang menyelidiki faktor persepsi terhadap kepercayaan ini dengan niat tingkah laku terhadap penggunaan pendanaan awam patuh syariah. Oleh itu, kajian ini berniat untuk mengisi jurang kajian, dan hipotesis bagi konstruk ini adalah:

H5: Persepsi terhadap kepercayaan mempunyai hubungan positif dengan niat tingkah laku untuk menggunakan pendanaan awam Islam.

KEBOLEHCUBAAN (*TRIALABILITY*)


Berdasarkan konstruk kebolehcubaan, ia akan membolehkan penyelidik pendanaan awam dan pengurus platform untuk menguji kesan relatif atau sebab untuk menggunakan atau tidak menggunakan sistem pendanaan awam (Wang 2014). Pendanaan awam adalah satu inovasi yang membantu dalam menyelesaikan kekangan kewangan untuk projek berasaskan ekuiti atau derma, dan inovasi ini diterima pakai dengan lebih cepat apabila ia lebih banyak diuji (Moore dan Benbasat 1991; Rogers 2003).

Hubungan positif antara faktor kebolehcubaan dengan niat tingkah laku penggunaan pendanaan awam patuh syariah, mungkin disebabkan oleh pendapat dalam kalangan usahawan bahawa kebolehan untuk mencuba platform pendanaan awam patuh syariah ini dapat mengurangkan risiko dan mereka dapat lebih memahami cara penggunaannya, seterusnya dapat memanfaatkan landskap pendanaan awam patuh syariah yang agak baru di Malaysia. Hal ini selari dengan pendapat kajian lepas yang menyatakan apabila pengguna mempunyai peluang untuk mencuba sesebuah perkhidmatan yang menggunakan platform teknologi, mereka akan dapat memahami betapa mudahnya pelantar tersebut untuk digunakan dan dipelajari (Mutahar et al. 2018). Pendapat yang hampir sama diberikan oleh Chang & Jain (2016) yang menyatakan percubaan sesebuah platform teknologi dalam kalangan pengguna boleh meningkatkan kebiasaan (*familiarity*) mereka dengan teknologi terbabit dan kemudiannya boleh meningkatkan niat penggunaannya.

Walau bagaimanapun, disebabkan kekurangan platform pendanaan awam tempatan dan akses yang terhad kepada platform global, terdapat kajian lepas yang

tidak melihat perkaitan yang signifikan antara kebolehcubaan dan niat tingkah laku (Alshebami 2022; Islam Mohammad Tariqul & Muhammad Tahir Abbas Khan 2021). Antara sebab lain adalah, para usahawan mempunyai peluang yang sedikit untuk menggunakan sistem pendanaan awam dan diberikan maklumat yang terhad (Alshebami 2022; Islam Mohammad Tariqul & Muhammad Tahir Abbas Khan 2021). Penemuan hubungan yang tidak signifikan ini bercanggah dengan teori asal dan telah mendorong kajian ini untuk meneroka lebih lanjut mengenai hubungan antara faktor kebolehcubaan dengan niat untuk menggunakan pendanaan awam Islam, dan untuk mengetahui sama ada ia mempunyai keputusan yang sama dengan niat tingkah laku terhadap pendanaan awam konvensional. Oleh itu, hipotesis keenam yang dihasilkan ialah:

H6: Kebolehcubaan mempunyai hubungan positif dengan niat tingkah laku untuk menggunakan pendanaan awam patuh syariah.



RAJAH 1 Model kajian

Kajian ini mengukur hubungan di antara pembolehubah bebas (IV); jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh sosial, kemudahan keadaan, persepsi kepercayaan dan kebolehcubaan serta pembolehubah bersandar (DV); niat tingkah laku penggunaan pendanaan awam patuh syariah dalam kalangan PKS Bumiputera di Malaysia.

METODOLOGI

REKA BENTUK KAJIAN

Penyelidikan ini menggunakan kaedah kuantitatif, memandangkan pendekatan kuantitatif bermula dengan teori hipotesis yang dibangunkan dan ditukarkan kepada data untuk mencabar atau melengkapkan teori tersebut atau boleh digambarkan sebagai ‘bekerja dari atas ke bawah’ (Creswell John & David Creswell 2017). Data kuantitatif dikumpul berdasarkan pengukuran tepat pembolehubah melalui teknik pengumpulan data yang direka, konsisten dan disahkan. Kemudian, data dianalisa menggunakan statistik deskriptif dan inferensi untuk menghasilkan dapatan kajian yang umum. Kajian ini turut dicirikan oleh pengumpulan ukuran pembolehubah yang tepat menggunakan instrumen pengumpulan data yang disahkan. Kaji selidik diedarkan bermula Ogos 2023 hingga Disember 2023. Data yang dikumpul kemudiannya diteliti melalui lensa statistik deskriptif dan inferens untuk menghasilkan cerapan penyelidikan yang relevan. Metodologi tinjauan ini sepadan dengan rangka kerja deduktif, pendekatan konvensional dan diterima secara meluas dalam bidang kajian perniagaan dan pentadbiran (Saunders 2011). Rangka kerja deduktif menurut Loomis & Maxwell (2003), meliputi reka bentuk interaktif dan analisis kandungan: tujuan penyelidikan ini adalah untuk meramalkan model tingkah laku penerimaan teknologi, dan tujuan ini memerlukan kaedah berstruktur, rangka kerja yang baik, pengukuran yang tepat (pembangunan dan penyeragaman instrumen), mewujudkan hubungan antara pembolehubah dan membuat inferens bagi sampel yang mewakili populasi selepas dianalisis.

Selain itu, analisis data kajian dijalankan menggunakan kaedah PLS-SEM dengan penggunaan aplikasi SMARTPLS versi 4 dan kebaikan kaedah PLS-SEM ini termasuklah membolehkan penyelidik menganggarkan model kompleks yang mengandungi pelbagai konstruk, pembolehubah penunjuk dan laluan struktur (Hair et al. 2019). Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan antara faktor yang mempengaruhi niat tingkah laku penggunaan pendanaan awam, maka penggunaan PLS-SEM untuk analisis sebab dan ramalan (*prediction*) telah dicadangkan (Anderson James & David Gerbing 1988). Oleh kerana tujuan kajian ini adalah untuk meramalkan hubungan antara faktor yang mempengaruhi niat tingkah laku penggunaan pendanaan awam patuh syariah, PLS-SEM dianggap lebih sesuai.

POPULASI DAN SAMPEL

Populasi penyelidikan terdiri daripada kira-kira 11,000 PKS Bumiputera yang disenaraikan dengan SME Corp. Menurut Mayr et al. (2007), perisian G-Power

ialah program analisis kuasa yang serbaguna dan sering digunakan dalam sains tingkah laku untuk analisis kuasa statistik. Analisis kuasa menentukan saiz sampel minimum dengan mengambil kira bahagian model yang mempunyai jumlah peramal terbesar (Sarstedt et al. 2021). Ia memerlukan maklumat seperti kuasa, kesan saiz dan tahap signifikan untuk mengira saiz sampel minimum yang diperlukan (Hair et al. 2019). Untuk menentukan saiz sampel yang tepat, analisis kuasa ditetapkan kepada regresi berganda yang terdiri daripada enam peramal untuk kajian ini (bilangan anak panah terbanyak yang ditunjukkan pada pembolehubah akhir) (Cheong et al. 2023). Dalam kajian ini, ujian F-regresi digunakan melalui aplikasi G-Power. G-Power menganggarkan bahawa 80 peratus atau lebih, dianggap telah mewakili tahap kekuatan yang mencukupi dalam penyelidikan sains sosial (Gefen et al. 2011; Hair et al. 2024). Untuk mengira saiz sampel, penyelidik menggunakan perisian G*power dengan tetapan seperti berikut: $f^2 = 0.15$, $\alpha = 0.05$ dan bilangan peramal = 8 dan kuasa ditetapkan pada 80% (Gefen David, Edward Rigdon & Detmar Straub 2011). Oleh itu, melalui pengiraan menggunakan aplikasi G-Power dengan penetapan kuasa 0.8, saiz kesan 0.15, dan 6 peramal, saiz sampel minimum yang diambil kira untuk kajian ini ialah 98.

Walaupun bagaimanapun, setelah borang soal selidik diedarkan, penyelidik berjaya mendapatkan borang soal selidik yang dipulangkan melebihi keperluan minimum, iaitu sebanyak 528. Bagaimanapun, selepas soal selidik ini disaring menggunakan aplikasi perisian IBM *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 29.0 untuk nilai yang hilang, respons monoton (tiada variasi dalam setiap respons yang diberikan oleh responden) dan *outlier*, sampel yang tinggal ialah 486. Sampel kajian terdiri daripada usahawan PKS Bumiputera. disenaraikan dalam SME Corp. Malaysia, merangkumi pelbagai latar belakang dan sektor. Setiap sektor juga mempunyai populasi PKS yang berbeza. Teknik persampelan rawak berstrata sesuai untuk populasi tidak seragam (Creswell John & David Creswell 2017). Teknik persampelan rawak berstrata ditakrifkan sebagai satu kaedah persampelan yang melibatkan pembahagian populasi kepada kumpulan kecil yang dikenali sebagai strata (Saunders et al. 2009). Dalam erti kata lain, pendekatan ini digunakan dengan membahagikan populasi kepada beberapa strata yang berkaitan, setiap satunya diwakili secara pecahan dalam sampel. Bagi mencapai tujuan kajian ini, peratusan populasi bagi setiap kumpulan strata diperolehi dan sampel minimum bagi setiap sektor dikira.

PENGUMPULAN DATA

Sebelum pengumpulan data, beberapa langkah telah diambil untuk mengurangkan berat sebelah kaedah biasa (*common method bias*). Ini termasuk menggunakan skala Likert yang berbeza untuk pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar,

menggunakan pembolehubah penanda, dan menjalankan kajian rintis (Podsakoff et al. 2003). Soal selidik telah melalui pengesahan oleh 6 orang pakar (perincian ditunjukkan dalam jadual 2 di bawah) dan juga telah melalui tapisan etika oleh jawatankuasa etika yang dilantik. Kajian awal melibatkan 100 usahawan PKS telah dijalankan sebelum mengedarkan borang soal selidik. Oleh kerana tiada masalah yang dihadapi semasa ujian rintis, soal selidik telah diedarkan. Pembolehubah bersandar, merangkumi PE, EE, SI, FC, dan TB, dinilai menggunakan skala Likert 5 mata antara 1 (sangat tidak setuju) hingga 5 (sangat setuju). Walau bagaimanapun, untuk mengurangkan berat sebelah bagi kaedah biasa (Podsakoff et al. 2003), pengukuran niat tingkah laku untuk menggunakan pendanaan awam patuh syariah menggunakan skala Likert 7 mata, antara 1 (sangat tidak setuju) hingga 7 (sangat setuju).

JADUAL 2 Butiran pengesahan pakar

No	Institusi	Jawatan	Bidang Kemahiran
1	Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM	Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan	Ekonomi Islam, Islam dan Pembangunan Lestari, Pengurusan Kewangan Islam
2	Universiti Sains Malaysia (USM)	Profesor Pengurusan Teknologi di Pusat Kajian Pengurusan	Metodologi dan PLS-Sem, Pengajar SmartPLS versi 4
3	Universiti Teknologi Mara Machang (UITM)	Penyelaras penyelidikan keusahawanan, industri dan rangkaian alumni	Soal selidik dan Keusahawanan
4	Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)	Ketua pegawai eksekutif majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu	soal selidik dan Prinsip Islam
5	Universiti Teknologi Mara Perlis (UITM)	Pensyarah Kanan Gred DM51 dan Koordinator	Metodologi dan PLS-Sem, Pengajar SmartPLS versi 4
6	Universiti Sains Malaysia (USM)	Pensyarah kanan di Pusat Pengajian Pengurusan, Universiti Sains Malaysia dan Penyelaras Kursus Kewangan Islam Global	Soal selidik, dan Perbankan & Kewangan Islam

PENGUKURAN KAJIAN

Soal selidik terdiri daripada dua bahagian. Satu bahagian adalah berkaitan kepada demografi, di mana data berkaitan umur, tahap pendidikan, dan jantina telah dikumpulkan. Bahagian lain adalah soalan yang berkaitan dengan faktor jangkaan terhadap prestasi, jangkaan terhadap usaha, pengaruh sosial dan kemudahan keadaan, persepsi terhadap kepercayaan dan kebolehcubaan dengan niat tingkah laku penggunaan pendanaan awam patuh syariah.

JADUAL 3 Sumber adaptasi soalan kaji selidik

Pengukuran	Pengarang	Bilangan Item
Seksyen 1: Demografi Responden	Yakob et al. (2021)	12
Seksyen 2: Jangkaan Prestasi (JP)	Islam Mohammad Tariqul dan Muhammad Tahir Abbas Khan (2021) (JP1 -JP4)	4
Seksyen 3: Jangkaan Usaha (JU)	Islam Mohammad Tariqul dan Muhammad Tahir Abbas Khan (2021) (JU1-EJU4)	4
Seksyen 4: Pengaruh Sosial (PS)	Kim and Hall (2020) (PS1-PS6)	6
Seksyen 5: Kemudahan Keadaan (KK)	Islam Mohammad Tariqul dan Muhammad Tahir Abbas Khan (2021) (KK1-KK6)	6
Seksyen 6: Persepsi Kepercayaan (PK)	Islam Mohammad Tariqul & Muhammad Tahir Abbas Khan (2021) (PK1 -PK4)	4
Seksyen 7: Kebolehcubaan (KB)	Jamshidi and Hussin (2018)	4
Seksyen 8: Niat Tingkah Laku Penggunaan Pendanaan Awam Patuh Syariah (NTL)	Atal et al. (2020)	5
Seksyen 9: Pembolehubah Penanda (<i>Marker variable</i>)-Soalan mengenai tahap ketetapan pendirian ditambah pada sekyen akhir soal selidik bagi menangani masalah <i>common method bias</i> (Podsakoff et al. 2003)	Oreg Shaul 2006	3
Jumlah		48

Nota: JP- Jangkaan Prestasi, JU- Jangkaan Usaha, PS- Pengaruh Sosial, KK- Kemudahan Keadaan, PK-Persepsi Kepercayaan, KB-Kebolehcubaan, NTL-Niat tingkah laku

Kajian ini tertumpu kepada ahli perniagaan PKS Bumiputera yang tersenarai dengan SME Corp. Tinjauan digunakan untuk mengumpulkan data demografi, merangkumi faktor seperti jantina, umur, sumber modal, hasil tahunan, kiraan kakitangan dan metrik yang berkaitan. Data jadual di bawah menjelaskan cerapan demografi yang dipilih, menyokong pembolehubah dalam penyelidikan ini.

JADUAL 4: Demografi responden

Perkara	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	209	43%
Perempuan	277	57%
Jenis Sektor Perniagaan		
Pembinaan	40	8.2%
Pembuatan	71	14.6%
Perdagangan dan Perkhidmatan	360	74.1%
Perlombongan dan Kuari	1	0.2%
Pertanian	14	2.9%
Sumber modal permulaan perniagaan		
Wang simpanan sendiri	272	56.0%
Pinjaman Bank	69	14.2%
Pinjaman daripada ahli keluarga/rakan	67	13.8%
Pinjaman Institusi Kewangan selain bank	30	6.2%
Peruntukan daripada pelabur luar	3	0.6%
Lain-lain	45	9.3%
Umur		
18-24	66	14%
25-35	189	39%
36-45	97	20%
46-55	104	21%
56-65	27	6%
>65	3	1%

Demografi dalam jadual 3 menunjukkan bilangan responden lelaki dan wanita adalah hampir seimbang, dengan 68 pemilik PKS wanita lebih banyak berbanding lelaki. Kebanyakan PKS terlibat dalam sektor perdagangan dan perkhidmatan, diikuti oleh pembuatan, pembinaan, pertanian, dan sedikit dalam perlombongan dan kuari. Dari segi pembiayaan, 56% perniagaan bergantung kepada simpanan sendiri, sementara selebihnya menggunakan pinjaman, pelabur, dan cara alternatif. Majoriti peserta berumur 25-35 tahun, mewakili kumpulan milenium/Generasi Y.

KAEDAH ANALISIS KAJIAN

Kaedah analisis bagi peringkat pengukuran bermula dengan 1) Penilaian model pengukuran reflektif, diikuti dengan 2) Penilaian model pengukuran formatif dan akhir sekali, 3) Penilaian model struktural (Ramayah et al. 2018) Selepas memastikan kesahan dan kebolehpercayaan data yang dikumpul, PLS-SEM digunakan juga untuk menilai invarian pengukuran komposit model (MICOM). Menggunakan Smart SMARTPLS versi 4 juga, *Multigroup Analysis* dijalankan bagi setiap kumpulan jantina pemilik PKS.

HASIL KAJIAN

PENTAKSIRAN MODEL PENGUKURAN REFLEKTIF

Kajian ini meneliti ketulenan model pengukuran melalui pemeriksaan kesahan konvergen dan kesahan diskriminan, manakala kebolehpercayaan diukur menggunakan *Confirmatory factor analysis* (CFA). Bagi menjalankan *Multigroup Analysis* (MGA) dari segi jantina, sama ada pemilik PKS lelaki atau wanita, kesahan konvergen dan kesahan diskriminasi bagi setiap kumpulan perlu ditentukan terlebih dahulu. Jadual 6 dan 7 menunjukkan bahawa kriteria dan keperluan yang berkaitan dengan AVE dan CR telah dicapai.

KEBOLEHPERCAYAAN KETEKALAN DALAMAN

Kesahan komposit dan *Cronbach's alpha* menilai kebolehpercayaan data menggunakan jumlah skor, (Henseler et al., 2016). Walaupun *Cronbach's alpha* cenderung untuk memberi nilai kebolehpercayaan yang lebih rendah, semua pembolehubah (seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4) memenuhi panduan yang disyorkan nilai *outer loadings* ≥ 0.708 (Sarstedt et al. 2021), *Cronbach's alpha* ≥ 0.7 (Christmann, Andreas & Stefan Van Aels, 2006) dan Kesahan Komposit (>0.70) (Ramayah et al. 2018), sekaligus mengesahkan kebolehpercayaan pembolehubah dalam kajian ini.

KESAHAN KONVERGEN

Untuk Kesahan Konvergen, *factor loadings* dan Purata Varians Diekstrak AVE telah dikenal pasti dan boleh dirujuk di jadual 4.

JADUAL 4. Model pengukuran

Konstruk		<i>Outer Loadings</i>	<i>AVE</i>	Kebolehpercayaan Komposit (<i>Composite Reliability</i>) CR	<i>Cronbach's Alpha</i>
		>0.708	>0.5	>0.7	>0.7
Jangkaan Prestasi	JP1	0.897	0.857	0.960	0.944
	JP2	0.942			
	JP3	0.951			
	JP4	0.912			
Jangkaan Usaha	JU1	0.897	0.832	0.952	0.933
	JU2	0.924			
	JU3	0.919			
	JU4	0.908			
Pengaruh Sosial	PS1	0.863	0.762	0.950	0.937
	PS2	0.889			
	PS3	0.928			
	PS4	0.877			
	PS5	0.871			
	PS6	0.807			
Kemudahan Keadaan	KK1	0.879	0.761	0.950	0.936
	KK2	0.890			
	KK3	0.898			
	KK4	0.903			
	KK5	0.901			
	KK6	0.751			
Persepsi Kepercayaan	PK1	0.882	0.845	0.956	0.939
	PK2	0.934			
	PK3	0.937			
	PK4	0.923			

Kebolehcubaan	KB1	0.836	0.800	0.941	0.916
	KB2	0.915			
	KB3	0.935			
	KB4	0.889			
Niat Tingkah Laku	NTL1	0.933	0.869	0.950	0.950
	NTL2	0.932			
	NTL3	0.928			
	NTL4	0.936			

Semua nilai *outer loadings* untuk konstruk reflektif memenuhi nilai minimum sekurang-kurangnya 0.708 seperti yang disyorkan oleh Sarstedt et al., (2021). Secara keseluruhannya, kesemua konstruk telah mencapai tahap yang memuaskan iaitu AVE > 0.5 dan CR Kebolehppercayaan Komposit > 0.7.

KESAHAN DISKRIMINAN

Kesahan diskriminan, seperti yang ditakrifkan oleh Ramayah et al. (2018), berkaitan dengan tahap di mana konstruk yang dikaji adalah benar-benar berbeza antara satu sama lain, dengan langkah yang tidak bertindih. Satu kaedah untuk menilai kesahan diskriminasi adalah dengan mengira nisbah korelasi Heterotrait-Monotrait (HTMT). Nilai HTMT mestilah kurang daripada 0.85 (Kline, 2023), untuk mencapai kesahan diskriminan. Jadual 5 memaparkan hasil HTMT bagi faktor-faktor yang diperiksa dalam penyelidikan ini.

JADUAL 5 Keseluruhan HTMT

Konstruk	Jangkaan Terhadap Prestasi	Jangkaan Terhadap usaha	Kebolehcubaan	Kemudahan Keadaan	Pengaruh Sosial	Persepsi Terhadap Kepercayaan
Jangkaan Terhadap Prestasi						
Jangkaan Terhadap usaha	0.804					
Kebolehcubaan	0.582	0.675				
Kemudahan Keadaan	0.772	0.839	0.65			

Pengaruh Sosial	0.743	0.841	0.648	0.819	
Persepsi Terhadap Kepercayaan	0.698	0.755	0.638	0.834	0.743

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5, semua nilai memenuhi kriteria HTMT kurang daripada 0.85 (Kline 2023), menunjukkan bahawa kesahan diskriminan telah dicapai.

KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN *MULTIGROUP*

Kesahan dan kebolehpercayaan turut diuji bagi setiap kumpulan jantina dalam kajian ini, bagi melihat perbezaannya. Jadual 6 menunjukkan kesahan konvergen bagi pemilik PKS lelaki dan wanita, dan menunjukkan semua nilai outer loading, kebolehpercayaan komposit dan *Cronbach's alpha* memenuhi tahap yang memuaskan.

JADUAL 6 Kebolehpercayaan dan kesahan konvergen bagi setiap kumpulan jantina

Kumpulan Jantina	Konstruk	AVE	Kebolehpercayaan Komposit (Composite Reliability) CR	Cronbach's Alpha
		>0.5	>0.7	>0.75
Lelaki	PE	0.877	0.966	0.953
	EE	0.883	0.968	0.956
	SI	0.772	0.953	0.940
	FC	0.784	0.956	0.945
	PR	0.754	0.948	0.935
	PT	0.864	0.962	0.947
	TB	0.788	0.937	0.910
	Wanita	PE	0.842	0.955
EE		0.787	0.936	0.909
SI		0.753	0.948	0.934
FC		0.740	0.944	0.928
PR		0.774	0.953	0.941
PT		0.830	0.951	0.932
TB		0.808	0.944	0.921

Seterusnya, kesahan diskriminan bagi setiap kumpulan telah diuji seperti yang ditunjukkan dalam jadual 7 di bawah, dan semua nilai memenuhi kriteria HTMT kurang daripada 0.85 (Kline, 2023), menunjukkan bahawa kesahan diskriminan telah dicapai.

JADUAL 7. Kesahan diskriminan bagi setiap kumpulan jantina

Kumpulan Jantina	Konstruk	Jangkaan Terhadap Prestasi	Jangkaan Terhadap usaha	Kebolehcubaan	Kemudahan Keadaan	Pengaruh Sosial	Persepsi Terhadap Kepercayaan
Lelaki	Jangkaan Terhadap Prestasi						
	Jnagkaan Terhadap usaha	0.797					
	Kebolehcubaan	0.613	0.792				
	Kemudahan Keadaan	0.830	0.870	0.692			
	Pengaruh Sosial	0.801	0.840	0.689	0.875		
	Persepsi Terhadap Kepercayaan	0.786	0.801	0.569	0.832	0.838	
Wanita	Jangkaan Terhadap Prestasi						
	Jnagkaan Terhadap usaha	0.818					
	Kebolehcubaan	0.559	0.556				
	Kemudahan Keadaan	0.724	0.811	0.614			
	Pengaruh Sosial	0.696	0.782	0.608	0.772		
	Persepsi Terhadap Kepercayaan	0.626	0.711	0.698	0.769	0.660	

PENTAKSIRAN MODEL STRUKTURAL

KOLINEARITI

Sebelum menilai model struktur, adalah penting untuk mengesahkan ketiadaan sebarang masalah kolineariti. Jadual 9 di bawah menggambarkan dapatan ini.

JADUAL 9 Penilaian kolineariti

Konstruk	Niat Tingkah Laku (VIF)
Niat Tingkah Laku	
Jangkaan Terhadap Prestasi	2.710
Jangkaan Terhadap usaha	3.936
Kebolehcubaan	1.824
Kemudahan Keadaan	4.316
Pengaruh Sosial	3.274
Persepsi Terhadap Kepercayaan	4.184

Semua nilai VIF menunjukkan nilai kurang daripada 5, jadi tiada masalah kolineriti (Hair et al. 2017).

ANALISIS MODEL STRUKTURAL

Kajian ini menetapkan enam hipotesis langsung antara pembolehubah, dan nilai signifikannya ditentukan dengan mengira statistik-t untuk semua laluan menggunakan fungsi bootstrap SmartPLS versi 4. Hasilnya diperincikan dalam Jadual 10.

JADUAL 10: Hasil keputusan dan hipotesis

Hipotesis	Hubungan	Std Beta	Std Error	Nilai-t	Keputusan	R ²	f ²	Q ²
H1	Jangkaan Prestasi -> Niat Tingkah Laku	-0.020	0.053	0.371	Tidak Disokong	0.572	0.000	0.550
H2	Jangkaan Usaha -> Niat Tingkah Laku	-0.181	0.078	2.329**	Disokong		0.020	
H3	Pengaruh Sosial -> Niat Tingkah Laku	0.267	0.065	4.118**	Disokong		0.059	
H4	Kemudahan Keadaan -> Niat Tingkah Laku	0.078	0.072	1.081	Tidak Disokong		0.003	
H5	Kepercayaan -> Niat Tingkah Laku	0.306	0.074	4.149**	Disokong		0.052	
H6	Kebolehcubaan -> Niat Tingkah Laku	0.131	0.062	2.101**	Disokong		0.091	

Nota: ** menunjukkan hubungan yang signifikan.

Bagi menentukan hubungan yang signifikan, nilai t mestilah sekurang-kurangnya 1.645 (Ramayah et al. 2018). Berdasarkan Jadual 10, enam perhubungan mempamerkan nilai- $t \geq 1.645$, yang menunjukkan hubungan signifikan pada tahap 0.01. Bagi kesan saiz, menurut Hair et al. (2017), petunjuk bagi f^2 adalah; 0.02-lemah, 0.15 sederhana, dan 0.35 tinggi.

Hubungan signifikan dalam kajian ini adalah bagi pemboleh ubah **Jangkaan Usaha** ($\beta = -0.020$, $p < 0.01$) dengan kesan saiz $f^2=0.020$ (lemah), **Pengaruh Sosial** ($\beta = 0.267$, $p < 0.01$) dengan $f^2=0.059$ (lemah), **Persepsi Kepercayaan** ($\beta = 0.306$, $p < 0.01$) dengan $f^2=0.052$ (lemah) dan **Kebolehcubaan** ($\beta = 0.131$, $p < 0.01$) dengan $f^2=0.091$ (lemah), dikaitkan secara positif dengan niat tingkah laku, serta menjelaskan 57.2% ($R^2=0.572$) daripada jumlah varians. Oleh itu, **H2, H3, H5, dan H6 adalah disokong**. Namun begitu, hubungan antara Jangkaan Prestasi ($\beta = -0.020$, $p > 0.01$) dan Kemudahan keadaan ($\beta = -0.078$, $p > 0.01$) dengan Niat Tingkah laku menunjukkan nilai t yang tidak signifikan dan kurang daripada 1.645, yang membawa kepada penolakan H1 dan H4. Nilai R^2 0.572 melebihi nilai 0.26 yang dicadangkan oleh Cohen Jacob, (2016), menunjukkan model yang baik. Perkaitan ramalan (Q2) dikira, dan menunjukkan nilai $Q^2 = 0.550$, dan nilai ini adalah lebih besar daripada 0, maka model ini menunjukkan kaitan ramalan untuk tingkah laku yang mencukupi (Hair et al., 2017). Ringkasan keseluruhan pernyataan dan keputusan hipotesis dibentangkan dalam Jadual 11 di bawah.

ANALISIS HUBUNGAN MULTIGROUP

JADUAL 11 Perbezaan hubungan setiap konstruk antara lelaki dan wanita

	Perbezaan (Lelaki - Wanita)	1-tailed (Lelaki vs Wanita) p value
Jangkaan Terhadap Prestasi -> Niat Tingkah Laku	0.316	0.003**
Jnangkaan Terhadap usaha -> Niat Tingkah Laku	-0.063	0.624
Kebolehcubaan -> Niat Tingkah Laku	0.028	0.442
Kemudahan Keadaan -> Niat Tingkah Laku	-0.26	0.958
Pengaruh Sosial -> Niat Tingkah Laku	0.001	0.501
Persepsi Terhadap Kepercayaan -> Niat Tingkah Laku	0.284	0.049**

Jadual 11 menunjukkan hanya 2 konstruk menunjukkan perbezaan yang signifikan antara kedua-dua Kumpulan jantina pemilik PKS yang dikaji. Konstruk tersebut adalah jangkaan terhadap prestasi, dan persepsi terhadap kepercayaan. Namun begitu, memandangkan hasil model struktural bagi hubungan konstruk jangkaan terhadap prestasi dengan niat tingkah laku penggunaan pendanaan awam adalah ditolak, hanya

konstruk persepsi terhadap kepercayaan yang mempunyai perbezaan yang signifikan antara pemilik PKS lelaki dan wanita. Bagi konstruk persepsi terhadap kepercayaan, hasil analisis MGA menunjukkan niat tingkah laku penggunaan pendanaan awam bagi pemilik PKS lelaki adalah lebih dipengaruhi oleh persepsi terhadap kepercayaan berbanding pemilik PKS wanita. Penerangannya akan dijelaskan dengan lebih lanjut di bahagian perbincangan kajian.

PERBINCANGAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa Jangkaan Usaha (JU), Pengaruh Sosial (PS), Persepsi kepercayaan (PK), dan Kebolehcubaan (KB) menunjukkan hubungan positif yang signifikan dengan niat tingkah laku PKS Bumiputera untuk menggunakan pendanaan awam patuh syariah. Mengenai JU, hasil perkaitan positif ini mungkin berpunca daripada demografi responden yang kebanyakannya terdiri daripada golongan muda dan milenium, yang mahir dalam kemajuan teknologi, sekaligus mendapati platform pendanaan awam patuh syariah adalah mesra pengguna. Hasil ini selari dengan dapatan lepas oleh Hapsari et al., 2022 dan Salim et al. 2021). Begitu juga hubungan positif antara pengaruh sosial dan niat tingkah laku mungkin boleh dikaitkan dengan penggunaan platform atas talian masa kini yang semakin meluas. Kebanyakan masyarakat sekarang menghabiskan banyak masa di media sosial di mana pengaruh rakan sebaya adalah penting, seperti yang disokong oleh Bakri et al. (2021) dan Moon Younghwan & Junseok Hwang (2018). Kajian ini turut mendapati hubungan antara persepsi kepercayaan (PK) dengan niat tingkah laku penggunaan pendanaan awam patuh syariah turut mempunyai hasil yang signifikan. Jika dilihat pada faktor demografi responden, 99% daripada responden adalah berbangsa Melayu. Agama rasmi bagi bangsa Melayu adalah Islam, kerana menurut perkara 160 (2) Perlembagaan Malaysia, takrif orang Melayu itu mestilah beragama Islam, bercakap bahasa Melayu dan mengamalkan adatistiadat Melayu, yang membuatkan mereka lebih mempercayai produk patuh syariah, seperti pendanaan awam patuh syariah. Sebagaimana yang dinyatakan dalam kajian lepas, faktor keagamaan mempengaruhi mereka yang beragama Islam untuk menggunakan produk kewangan Islam (Haruna et al. 2024; Bananuka et al. 2020). Bagi faktor kebolehcubaan, terdapat kajian yang menemukan hubungan signifikan antara faktor kebolehcubaan dengan niat penggunaan sesetengah platform atas talian, seperti platform takaful (Ali et al. 2019), perbankan internet (Nor Khalil Md et al. 2010) dan pembelajaran atas talian (Al-Rahmi et al. 2021). Oleh itu, hasil kajian ini adalah selari dengan hasil kajian tersebut. Kajian-kajian ini mendapati hubungan yang signifikan kerana terdapat pendapat dalam kalangan usahawan bahawa kebolehan untuk mencuba platform pendanaan awam patuh syariah ini dapat mengurangkan risiko dan mereka dapat lebih memahami cara penggunaannya, seterusnya dapat memanfaatkan landskap pendanaan awam patuh syariah yang agak baru di Malaysia.

Walau bagaimanapun, JP dan KK tidak menunjukkan hubungan yang signifikan dengan niat mereka. Hasil yang tidak signifikan antara jangkauan prestasi dan niat tingkah laku adalah sejajar dengan kajian terdahulu mengenai pendanaan awam konvensional (Moon Younghwan, & Junseok Hwang 2018) dan pendanaan awam patuh syariah (Husin et al. 2020). Platform pendanaan awam patuh syariah yang masih bersifat baru di Malaysia juga mungkin menimbulkan keraguan dalam kalangan PKS tentang kemampuan platform ini untuk meningkatkan prestasi dan pertumbuhan perniagaan mereka (Moon Younghwan & Junseok Hwang 2018). Yang kedua, hubungan antara kemudahan keadaan dengan niat tingkah laku penggunaan pendanaan awam turut tidak menunjukkan hasil yang signifikan. Sebagaimana yang ditemui dalam kajian lepas, dikatakan bahawa sistem maklumat dan statistik yang tidak mencukupi mengenai dana yang dikumpul mempengaruhi niat pengguna untuk menggunakan platform pendanaan awam (Alshebami 2022).

Bagi *Multigroup Analysis* pula, pemilik PKS lelaki menunjukkan bahawa faktor persepsi terhadap kepercayaan lebih mempengaruhi niat mereka untuk menggunakan pendanaan awam patuh syariah berbanding pemilik pks wanita. Hal ini menunjukkan, pemilik PKS lelaki lebih mementingkan platform yang boleh dipercayai sebelum mereka membuat keputusan untuk menggunakannya berbanding wanita. Kajian daripada Slyke et al., 2010 mendapati bahawa jantina menyederhanakan pengaruh kepercayaan terhadap niat penggunaan dalam konteks e-dagang pengguna. Secara khusus, kajian ini mendapati bahawa kelebihan relatif seperti platform yang boleh dipercayai, adalah lebih penting bagi kaum lelaki berbanding wanita. Kelebihan relatif yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah sejauh mana menggunakan teknologi tertentu dianggap lebih baik dari segi meningkatkan prestasi kerja daripada menggunakan teknologi terdahulu/saingannya (Wang et al. 2008). Hal ini kerana pengguna lelaki lebih fokus kepada instrumen yang terdapat dalam platform teknologi yang digunakan berbanding wanita. Oleh itu, kepercayaan bahawa instrument teknologi tersebut adalah telus dan selamat lebih mempengaruhi mereka (Yen Yung-Shen & Feng-Shang Wu 2016).

KESIMPULAN

Kajian ini menghasilkan pandangan teori yang signifikan tentang faktor niat tingkah laku penggunaan pendanaan awam patuh syariah, khususnya dalam bidang keusahawanan Bumiputera. Kajian ini bukan sahaja menangani jurang dalam kesusasteraan sedia ada, tetapi juga memperluaskan teori UTAUT, khususnya dalam sektor PKS Bumiputera. Perbandingan di antara dua Kumpulan (lelaki dan wanita) juga menambah kepada sorotan literatur yang membandingkan antara jantina bagi niat penggunaan sesebuah teknologi. Walau bagaimanapun, kajian ini mengakui limitasi tertentu yang wujud dalam penyelidikan empirikal (Marshall Catherine & Gretchen

Rossman 2011); antara limitasi kajian termasuklah 1) terdapat kebarangkalian untuk mendapat respons yang subjektif bagi uji kaji yang menggunakan skala Likert. 2) Kajian ini menggunakan keratan rentas (pada tempoh waktu tertentu) dan bukannya longitudinal (kajian jangka masa panjang). Kajian longitudinal turut diperlukan bagi mengkaji niat tingkah laku pengguna, kerana niat mereka mungkin berubah untuk sesuatu tempoh masa dan boleh menghasilkan penggunaan sebenar (Prati et al. 2014). 3) Selain daripada itu, kajian ini tidak memasukkan mana-mana moderator seperti yang dicadangkan oleh Venkatesh (2003) agar moderator yang lebih komprehensif dianalisis dalam kajian akan datang. Oleh itu, adalah dicadangkan untuk menjalankan kajian longitudinal pula di masa hadapan untuk menyokong penemuan ini, serta meneroka pembolehubah tambahan dalam rangka kerja UTAUT, dengan penambahan moderator yang berkaitan.

PENGHARGAAN

Kami berterima kasih kepada geran penyelidikan kami (EP-2023-063) kerana menaja penyelidikan ini. Kami juga amat menghargai bantuan daripada semua pihak, termasuk wakil daripada SME Corp Malaysia, enam orang pakar yang telah mengesahkan soalan tinjauan soal selidik kami, jawatankuasa Etika Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang juga telah menyaring tinjauan soal selidik kami. Akhir sekali, kami juga mengucapkan terima kasih kepada rakan sekerja, rakan pensyarah, dan rakan pelajar atas sebarang maklum balas dan idea penambahbaikan berkaitan kajian ini.

RUJUKAN

- Abd Rashid, Norasekin, Norhasdalina Hasim & Maziana Zainal Abidin. 2021. Factors influencing SMEs sustainability: The role of Islamic crowdfunding. *Proceedings of the 8th International Conference on Management of e-Commerce and e-Government*, hlm. 68-74.
- Abdullah, Syahida & Umar A. Oseni. 2017. Towards a shari'ah compliant equity-based crowdfunding for the halal industry in Malaysia. *International Journal of Business and Society* 18(S1): 223-240.
- Achsien, Iggi Haruman, and Dien Lukita Purnamasari. Islamic crowd-funding as the next financial innovation in Islamic finance: Potential and anticipated regulation in Indonesia. *European Journal of Islamic Finance* 5 (2016).
- Aderemi, Abdulmajeed Muhammad Raji & Muhammad Shahrul Ifwat Ishak. 2023. Qard Hasan as a feasible Islamic financial instrument for crowdfunding: its potential and possible application for financing micro-enterprises in Malaysia. *Qualitative Research in Financial Markets* 15(1): 58-76.

- Afroz, Rafia, Rabaah Tudin, Mohammad Niaz Morshed, Jarita Duasa & Md Muhibullah. 2019. Developing a shariah-compliant equity-based crowdfunding model towards a Malaysian low-carbon consumer society. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics* 22: 185-202.
- Alam, S. S., M. F. Md Salleh, M. Masukujjaman, M. E. Al-Shaikh, N. Makmor & Z. K. Makhbul. M. 2022. Relationship between Entrepreneurial Orientation and Business Performance among Malay-Owned SMEs in Malaysia: A PLS Analysis. *Sustainability (Switzerland)* 14 (10).
- Ali, Muhammad, Syed Ali Raza, Chin Hong Puah & Hanudin Amin. 2019. Consumer acceptance toward takaful in Pakistan: An application of diffusion of innovation theory. *International Journal of Emerging Markets* 14 (4): 620-638.
- Ali, Wajeeha, Siva Muthaly & Morakinyo Dada. 2018. Adoption of Shariah compliant peer-to-business financing platforms by SMEs: A conceptual strategic framework for fintechs in Bahrain. *International Journal of Innovative Technology and Exploring Engineering* 8 (2): 407-412.
- Almogren, Abeer S. 2022. Art education lecturers' intention to continue using the blackboard during and after the COVID-19 pandemic: An empirical investigation into the UTAUT and TAM model. *Frontiers in Psychology* 13: 944335.
- Al-Rahmi, Waleed Mugahed, Noraffandy Yahaya, Mahdi M. Alamri, Ibrahim Youssef Alyoussef, Ali Mugahed Al-Rahmi & Yusri Bin Kamin. 2021. Integrating innovation diffusion theory with technology acceptance model: Supporting students' attitude towards using a massive open online courses (MOOCs) systems. *Interactive Learning Environments* 29(8): 1380-1392.
- Alshebami, Ali Saleh. 2022. Crowdfunding platforms as a substitute financing source for young Saudi entrepreneurs: Empirical evidence. *Sage Open* 12(3): 21582440221126511.
- Alzyoud, Mazen, Najah Al-Shanableh, Saleh Alomar, A. AsadAlnaser, Akram Mustafad, Ala Al-Momani & S. Al-Hawary. 2024. Artificial intelligence in Jordanian education: Assessing acceptance via perceived cybersecurity, novelty value, and perceived trust. *International Journal of Data and Network Science* 8(2): 823-834.
- Anderson, James C. & David W. Gerbing. 1988. Structural equation modeling in practice: A review and recommended two-step approach. *Psychological Bulletin* 103(3): 411.

- Asastani, Helga Laksita, Victory Haris Kusumawardhana & Harco Leslie Hendric Spits Warnars. 2018. Factors affecting the usage of mobile commerce using technology acceptance model (TAM) and unified theory of acceptance and use of technology (UTAUT). *2018 Indonesian Association for Pattern Recognition International Conference (INAPR)*, hlm. 322-328.
- Atal, Naqeeb Ullah, Mohammad Iranmanesh, Fathyah Hashim & Behzad Foroughi. 2020. Drivers of intention to use Murabaha financing: religiosity as moderator. *Journal of Islamic Marketing* 13(3): 740-762.
- Azman, Nik Hadiyan Nik & Mohd Zaidi Md Zabri. 2022. Sharī'ah-compliant fintech usage among microentrepreneurs in Malaysia: An extension of UTAUT model. *Journal of Islamic Monetary Economics and Finance* 8(2): 305-324.
- Bakri, Mohammed Hariri, Mohammed Soleh Md Radzai & Ahmad Mujahid Mat Rasid. 2021. Technology acceptance in crowdfunding among retailers. *Studies of Applied Economics* 39(5).
- Bananuka, Juma, Veronica Mukyala, Zainabu Tumwebaze, Johnson Ssekakubo, Musa Kasera & Mariam Ssemakula Najjuma. 2020. The intention to adopt Islamic financing in emerging economies: evidence from Uganda. *Journal of Islamic Accounting and Business Research* 11(3): 610-628.
- Cheong, Kah Chun, May Chiun Lo, Abang Azlan Mohamad & T. Ramayah. 2023. Planned organisational change and organisational commitment-to-change: the moderating role of leader-member exchange." *International Journal of Services and Operations Management* 44(2): 196-213.
- Christmann, Andreas & Stefan Van Aelst. 2006. Robust estimation of Cronbach's alpha. *Journal of Multivariate Analysis* 97 (7): 1660-1674.
- Cohen, Jacob. 2016. A Power Primer. In A. E. Kazdin (Ed.), *Methodological issues and strategies in clinical research*, 4th ed., pp. 279-284.
- Creswell, John W. & J. David Creswell. 2017. *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. New York: Sage Publications.
- Dahlan, A.A.R., Razak, A.S.M., Omar, E.R., Jabridin, F.N. & Kumala, R. 2016. A Trusted Online Donation Platform: Crowdfunding by Utilizing Network of Mosque (NoM). *International Journal of Information and Communication Technology Research* Vol. 6 (4).

- Edem, Djimesah Isaac, Hongjiang Zhao, Okine Agnes Naa Dedei & Duah Elijah. 2021. Determinant factors of crowdfunding success and its influence on SMEs in West African countries. *Journal of Enterprising Culture* 29(02): 109-139.
- Fanea-Ivanovici, Mina & Hasnan Baber. 2021. Crowdfunding model for financing movies and web series. *International Journal of Innovation Studies* 5(2): 99-105.
- Gefen, David, Edward E. Rigdon & Detmar Straub. 2011. Editor's comments: an update and extension to SEM guidelines for administrative and social science research. *MIS Quarterly*: iii-xiv.
- Hair Jr, Joseph F., Barry J. Babin & Nina Krey. 2017. Covariance-based structural equation modeling in the Journal of Advertising: Review and recommendations. *Journal of Advertising* 46(1): 163-177.
- Hair, Joseph F., Jeffrey J. Risher, Marko Sarstedt & Christian M. Ringle. 2019. When to use and how to report the results of PLS-SEM. *European Business Review* 31(1): 2-24.
- Hair, Joseph F., Pratyush N. Sharma, Marko Sarstedt, Christian M. Ringle & Benjamin D. Lienggaard. 2024. The shortcomings of equal weights estimation and the composite equivalence index in PLS-SEM. *European Journal of Marketing* 58(13): 30-55.
- Hapsari, Meri Indri, Mohamed Asmy Bin Mohd Thas Thaker, Mustafa Omar Mohammed & Jarita Duasa. 2022. The likelihood of using crowdfunding-Waqf model in Malaysia. *International Journal of Ethics and Systems* 38(4): 682-701.
- Harrison, Richard, Youwei Li, Samuel A. Vigne & Yuliang Wu. Why do small businesses have difficulty in accessing bank financing?. *International Review of Financial Analysis* 84 (2022): 102352.
- Haruna, Ali, Honoré Tekam Oumbé & Armand Mboutchouang Kountchou. 2024. What determines the adoption of Islamic finance products in a non-Islamic country? Empirical evidence from Cameroonian small-and medium-sized enterprises. *Journal of Islamic Marketing* 15(5): 1253-1279.
- Hendratmi, Achsanía, Muhamad Nafik Hadi Ryandono & Puji Sucia Sukmaningrum. 2020. Developing Islamic crowdfunding website platform for startup companies in Indonesia. *Journal of Islamic Marketing* 11(5): 1041-1053.

- Henseler, Jörg, Geoffrey Hubona & Pauline Ash Ray. 2016. Using PLS path modeling in new technology research: updated guidelines. *Industrial Management & Data Systems* 116(1): 2-20.
- Husin, Maizaitulaidawati Md, Razali Haron & Shahab Aziz. 2020. Adoption of financial technology in Islamic crowd-funding: predicting small and medium-sized enterprises' intention to use the investment account platform. *Impact of financial technology (FinTech) on Islamic finance and financial stability*, IGI Global. hlm. 12-35.
- Ishak, Muhammad Shahrul Ifwat & Md Habibur Rahman. 2021. Equity-based Islamic crowdfunding in Malaysia: a potential application for mudharabah. *Qualitative Research in Financial Markets* 13(2): 183-198.
- Islam Mohammad Tariqul & Muhammad Tahir Abbas Khan. 2021. Factors influencing the adoption of crowdfunding in Bangladesh: A study of start-up entrepreneurs. *Information Development* 37(1): 72-89.
- Jamshidi, Dariyoush & Nazimah Hussin. 2018. An integrated adoption model for Islamic credit card: PLS-SEM based approach. *Journal of Islamic Accounting and Business Research* 9(3): 308-335.
- Johan, Zaimy Johana, Mohd Zainee Hussain, Rohani Mohd & Badrul Hisham Kamaruddin. 2020. Muslims and non-Muslims intention to hold Shariah-compliant credit cards: a SmartPLS approach. *Journal of Islamic Marketing* 12(9): 1751-1785.
- Kementerian Ekonomi Malaysia. 2024. Laporan Sesi Libat Urus - Kongres ekonomi bumiputera2024.keb.ekonomi.gov.my.https://keb.ekonomi.gov.my/assets/dokumen/Laporan_SLU_KEB2024.pdf.
- Kementerian Ekonomi Malaysia. 2019. Portal Rasmi Kementerian ekonomi. Laporan Pencapaian Kementerian Hal Ehwal Ekonomi Tahun 2019. <https://www.ekonomi.gov.my/ms>. [7 Januari 2020].
- Khan Abidullah, Muhammad Hakimi Mohd Shafiai & Shabeer Khan. 2019. The Rise and fall of cash waqf crowdfunding: Exploring the shortcomings. *International Journal of Innovation, Creativity and Change* 8(9): 57-77.
- Kim, Myung Ja & C. Michael Hall. 2020. What drives visitor economy crowdfunding? The effect of digital storytelling on unified theory of acceptance and use of technology. *Tourism Management Perspectives* 34: 100638.

- Kline, Rex B. 2023. *Principles and Practice of Structural Equation Modeling*. New York: Guilford Publications.
- Laila, Nisful, Ririn Tri Ratnasari, Shafinar Ismail, Putri Aliah Mohd Hidzir & Mohd Halim Mahphoth. 2022. The intention of small and medium enterprises' owners to participate in waqf: the case of Malaysia and Indonesia. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management* 16(3): 429-447.
- Loomis, D. & J. Maxwell. 2003. Mixed methods design: An alternative approach. *Handbook of Mixed Methods in Social & Behavioral Research*. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Marshall Catherine & Gretchen B. Rossman. 2011. Managing, analyzing, and interpreting data. *Designing Qualitative Research* 5: 205-227.
- Micro, Small & Medium Enterprises (MSMEs) performance 2022. Department of Statistics Malaysia Official Portal. (n.d.). https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column%2Fcthemebycat&cat=159&bul_id=aFRNc2Zid295Tm1yczN5dWJNS1NwQT09&menun_id=TE5CRUZCblh4ZTZMODZlbnk2aWRRRQT09 [3 Oktober 2022].
- Moon, Younghwan & Junseok Hwang. 2018. Crowdfunding as an alternative means for funding sustainable appropriate technology: Acceptance determinants of backers. *Sustainability* 10(5): 1456.
- Moore, G. C. & Benbasat, I. 1991. Development of an instrument to measure the perceptions of adopting an information technology innovation. *Information Systems Research* 2(3): 192-222.
- Nor Khalil Md, J. Michael Pearson & Altaf Ahmad. 2010. Adoption of internet banking: theory of the diffusion of innovation. *International Journal of Management Studies* 17(1): 69-85.
- Oreg, Shaul. 2006. Personality, context, and resistance to organizational change. *European Journal of Work and Organizational Psychology* 15(1): 73-101.
- Podsakoff, Philip M., Scott B. MacKenzie, Jeong-Yeon Lee & Nathan P. Podsakoff. 2003. Common method biases in behavioral research: a critical review of the literature and recommended remedies. *Journal of applied psychology* 88(5): 879.
- Prati, Gabriele, Davide Mazzoni & Bruna Zani. 2014. Perceived behavioural control, subjective norms, attitudes and intention to use condom: A longitudinal cross-lagged design. *Psychology & Health* 29(10): 1119-1136.

- Ramayah, T. J. F. H., Jacky Cheah, Francis Chuah, Hiram Ting & Mumtaz Ali Memon. 2018. Partial least squares structural equation modeling (PLS-SEM) using smartPLS 3.0. *An Updated Guide and Practical Guide to Statistical Analysis*: 967-978.
- Rogers, E. M. 1995. *Diffusion of innovations* hlm. 168-218.
- Rogers, E. M. 2003. *Diffusion of Innovations*. Edisi ke-5. New York: Free Press.
- Roldán, José L. & Manuel J. Sánchez-Franco. 2012. Variance-based structural equation modeling: Guidelines for using partial least squares in information systems research. *Research Methodologies, Innovations and Philosophies in Software Systems Engineering and Information Systems*, hlm. 193-221.
- Salifu, Iddrisu, Francis Arthur, Valentina Arkorful, Sharon Abam Nortey & Richard Solomon Osei-Yaw. 2024. "Economics students' behavioural intention and usage of ChatGPT in higher education: A hybrid structural equation modelling-artificial neural network approach. *Cogent Social Sciences* 10 (1): 2300177.
- Salim Munirah & Salina Kassim. 2019. Awareness towards crowdfunding as an alternative financing mechanism among youth entrepreneurs. *Ist Aceh Global Conference (AGC 2018)*, hlm. 358-363. Amsterdam: Atlantis Press.
- Salim, Munirah, Salina Kassim & Mohamed Asmy Mohd Thas Thaker. 2021. Factors influencing the acceptance of Islamic crowdfunding in Malaysia: A study of youth entrepreneurs. *Pakistan Journal of Commerce and Social Sciences (PJCSS)* 15(3): 443-475.
- Saiti Buerhan, Abubakar Aliyu Ardo & Ibrahim Guran Yumusak. 2022. Why non-Muslims subscribe to Islamic banking? *Qualitative Research in Financial Markets* 14(2): 247-269.
- Sarstedt, Marko, Christian M. Ringle & Joseph F. Hair. 2021. Partial least squares structural equation modeling. *Handbook of Market Research*, hlm. 587-632. Cham: Springer International Publishing.
- Saunders, Mark, Philip Lewis & Adrian Thornhill. 2009. *Research methods for business students*. London: Pearson Education.
- Saunders, Mark, Philip Lewis & Adrian Thornhill. 2009. *Research Methods for Business Students*. London: Pearson Education.

- Shachak, Aviv, Craig Kuziemsky & Carolyn Petersen. 2019. Beyond TAM and UTAUT: Future directions for HIT implementation research. *Journal of Biomedical Informatics* 100: 103315.
- Soong, Kai-Kit, Elsadig Musa Ahmed, and Khong Sin Tan. "Factors influencing Malaysian small and medium enterprises adoption of electronic government procurement." *Journal of Public Procurement* 20, no. 1 (2020): 38-61.
- Sukmana, Raditya, Budi Trianto & Annisa Masruri Zaimsyah. 2023. Determinant factor of crowdfunders' behavior in using crowdfunding waqf model in Indonesia: two competing models. *Journal of Islamic Marketing* 14(7): 1793-1816.
- Susanti, Dyah Ochtorina, Aan Efendi & Auliya Safira Putri. 2024. The Urgency of Sharia-Crowdfunding as an Alternative Funding in Development of Nusantara's Capital City. *PETITA* 9: 114.
- Slyke, Craig Van, France Bélanger, Richard D. Johnson & Ross Hightower. 2010. Gender-based differences in consumer e-commerce adoption. *Communications of the Association for Information Systems* 26(1): 2.
- Taherdoost, Hamed. 2018. A review of technology acceptance and adoption models and theories. *Procedia Manufacturing* 22: 960-967.
- Venkatesh, Viswanath, Michael G. Morris, Gordon B. Davis & Fred D. Davis. 2003. User acceptance of information technology: Toward a unified view. *MIS Quarterly* :425-478.
- Venkatesh, Viswanath, James YL Thong & Xin Xu. 2012. Consumer acceptance and use of information technology: extending the unified theory of acceptance and use of technology. *MIS Quarterly*: 157-178.
- Wang, Edward Shih-Tse. 2014. Perceived control and gender difference on the relationship between trialability and intent to play new online games. *Computers in Human Behavior* 30: 315-320.
- Wang, Youwei, Darren Meister & Yinglei Wang. 2008. Relative advantage and perceived usefulness: The adoption of competing ICTs. *DIGIT 2008 Proceedings* :6.
- Yakob, Sajiah, Rubayah Yakob, Hafizuddin-Syah BAM & Roslida Zalila Ahmad Rusli. 2021. Financial literacy and financial performance of small and medium-sized enterprises. *The South East Asian Journal of Management* 15(1): 5.

Yen, Yung-Shen & Feng-Shang Wu. 2016. Predicting the adoption of mobile financial services: The impacts of perceived mobility and personal habit. *Computers in Human Behavior* 65: 31-42.

Yeoh Shih Yee & Phaik Nie Chin. 2022. Exploring home health-care robots adoption in Malaysia: Extending the UTAUT model. *International Journal of Pharmaceutical and Healthcare Marketing* 16(3): 392-411.